

**TEKS UCAPAN**

**PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB @  
SAHIBUDDIN, FASc  
NAIB CANSELOR UiTM**

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
DENGAN  
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AIR NEGARA**

**28 FEBRUARI 2024 | ISNIN**



Salutasi- kemas kini berdasarkan kehadiran

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah rahmat-Nya, dapatlah kita bersama-sama hadir dalam Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).
  
2. Terlebih dahulu, tahniah saya ucapkan kepada Kolej Pengajian Kejuruteraan atas komitmen dan usaha berterusan dalam meningkatkan kerjasama antara UiTM dengan pihak-pihak berkepentingan.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. Dalam menyediakan pendidikan inovatif dengan infrastruktur dan teknologi terkini ke arah menjadi sebuah universiti terkemuka dunia menjelang 2025, UiTM amat berbesar hati dan mengalu-alukan kerjasama dengan pihak industri dan agensi seperti SPAN.
4. Secara spesifiknya, kerjasama antara UiTM dengan SPAN ini adalah di bawah projek penyelidikan dan penyampaian perkhidmatan yang merangkumi beberapa perkara. Antaranya,
  - i. Kerjasama penyelidikan khususnya dalam penyelidikan kebolehlaksanaan penggunaan semula (*reuse*) sisa air daripada proses rawatan air sebagai bahan alternatif untuk kegunaan industri.
  - ii. Penempatan latihan industri pelajar ; dan,
  - iii. Penganjuran bersama kursus pendek

**Hadirin sekalian,**

5. Pada masa yang sama, kerjasama ini dilihat dapat memberi peluang kepada para penyelidik universiti dan industri terlibat melaksanakan aktiviti penyelidikan yang berimpak tinggi.
6. Dalam konteks ini, kerjasama penyelidikan adalah berasaskan kepada kelestarian alam sekitar atau *Research based on Environmental Sustainability* terutamanya dalam aspek Ekonomi pekeliling atau *circular economy*. Tumpuan diberikan kepada pengurangan penggunaan sumber serta meminimumkan kerosakan alam sekitar dan pencemaran bersama kitaran hayat barang dan perkhidmatan.
7. Sehubungan itu, diharapkan kerjasama strategik seperti ini akan menjadi medan utama dalam penghasilan produk penyelidikan yang memberi pelbagai kebaikan kepada masyarakat dan negara.

8. Pastinya, melalui hubungan kerjasama ini, kita menjangkakan lebih banyak hasilan penyelidikan dan pembangunan modal insan akan dilaksanakan ke arah menjadikan UiTM lebih mapan dalam mencapai objektif serta matlamat organisasinya.
9. Kita amat yakin pandangan serta perspektif dari pihak SPAN menerusi kerjasama MoU amat penting buat UiTM, khususnya dalam memantapkan kualiti penyelidikan, agar sentiasa relevan dengan kemajuan serta keperluan industri masa kini.
10. Sekali lagi terima kasih saya ucapkan kepada pihak SPAN dalam menjayakan kerjasama ini. Terima kasih juga saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bekerjasama dalam memastikan kerjasama ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
11. Semoga segala perancangan yang telah diatur akan dilaksanakan dengan sebaiknya dan kerjasama ini dapat dijadikan asas kepada perkongsian ilmu yang bergerak secara terus dengan perkembangan

yang dapat memberi manfaat positif kepada kedua-dua belah pihak.

**Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah**

**Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**